

Pusat angkasa lonjak kedudukan negara: PM

Kemudahan canggih di PAN mampu saingi negara maju

BH-5/10/2006

Oleh Wan Jailani Razak dan Magendran Rajagopal

BANTING: Penubuhan Pusat Angkasa Negara (PAN) di Kampung Sungai Lang, disini, akan nielonjakkkan kedudukan negara dalam bidang sains angkasa dan membolehkannya bersaing dengan negara maju, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, pusat yang menjadi infrastruktur penting program angkasa negara, mempunyai kemudahan bagi kerja reka bentuk, kalibrasi, integrasi dan ujian sistem teknologi serta muatan satelit.

"Peningkatan kapasiti dan penguasaan ilmu terutama ilmu sains dan teknologi angkasa sangat penting untuk bersaing dengan negara maju.

"Kerajaan komited meningkatkan keupayaan penyelidikan bidang angkasa kerana yakin Malaysia tidak mampu menjadi negara maju tanpa membina kapasiti bidang penting ini," katanya ketika merasmikan pusat itu, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi,

"Peningkatan kapasiti dan penguasaan ilmu terutama ilmu sains dan teknologi angkasa sangat penting untuk bersaing dengan negara maju"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Datuk Seri Jamaludin Jarjis dan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara, Prof Datuk Dr Mazlan Othman.

PAN yang dibina di kawasan seluas 162 hektar, berupaya memantau, menerima maklumat dan berhubung dengan angkasawan negara di Stesen Angkasa Antarabangsa kelak.

Fasa pertama pembangunan pusat berkenaan bermula pada 2004 memabitkan Kawalan Misi, yang digunakan untuk pengendalian satelit cerapan bumi RazakSAT, yang siap Mei tahun lalu.

Pusat itu dibina di Kampung Sungai Lang kerana kedudukannya di kawasan datar dan mempunyai gangguan gelombang radio minimum.

RazakSAT, yang mengambil nama sempena Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein, adalah satelit pencerapan bumi kedua negara selepas mikrosatelit TiungSAT-1 yang dilancarkan dari Kosmodrom Baiknour, Kazakhstan pada 26 September 2000.

Perdana Menteri berkata, penguasaan bidang sains angkasa akan membolehkan negara menjana teknologi dan pulangan ekonomi yang mampan pada masa depan.

Abdullah berkata, Malaysia sejak awal 1970-an lagi dan mendapat banyak manfaat daripada pelbagai teknologi angkasa, termasuk teknologi komunikasi satelit yang membolehkan perhubungan dengan dunia luar selain mendapat berita dari seluruh dunia.

"Malaysia sudah mengguna pakai sejak beberapa dekad lalu gambar dari satelit untuk pelbagai tujuan seperti meramal dan meninjau perkembangan cuaca, memantau pembangunan tanah, membantu penerokaan hasil laut dan mengesan serta memantau bencana alam seperti kebakaran hutan.

"Semua contoh ini menunjukkan betapa pentingnya teknologi angkasa dalam memperkukuhkan aset komunikasi negara," katanya.

Terdahulu, Abdullah mempengerusikan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Keempat di PAN yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ketika pelancaran, Abdullah mengadakan sidang video dengan dua calon angkasawan negara. Dr Sheikh Muszaphar Shukor, 34, dan Dr Faiz Khaleed, 26, yang kini berada di Russia

bagi menjalani latihan.

Perdana Menteri bertanya khabar serta persediaan kedua-dua mereka serta layanan yang diterima di sana.

Hanya seorang angkasawan Malaysia akan menyertai pesawat pelancar Soyuz 27 Russia sebelum bercantum dengan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada Oktober 2007.